

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI
AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan sebarang pindaan undang-undang dalam meningkatkan perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga, khususnya yang melibatkan wanita.

JAWAPAN

1. Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 [Akta 521] telah mula dikuatkuasa pada 1 Jun 1996, bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Akta 521 seterusnya telah dipinda pada tahun 2012 dengan memasukkan aspek penderaan psikologi dan emosi, manakala pengemaskinian pada tahun 2017 merangkumi penambahan tafsiran keganasan rumah tangga serta perlindungan segera kepada mangsa melalui Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO). Selain daripada Akta 521 yang menyediakan perlindungan kepada mangsa, Akta Kanun Keseksaan [Akta 574] juga perlu dibaca bersama dalam menentukan pendakwaan kepada pelaku keganasan rumah tangga. Keperluan pindaan ke atas Akta 521 serta perundangan lain yg berkaitan juga akan terus dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan analisis trend terkini kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku.
2. Berdasarkan statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), trend kes telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2024 berbanding kes yang dilaporkan pada tahun 2022 dan 2023. Pada tahun 2022, sebanyak 6,540 kes telah direkodkan, diikuti dengan 5,507 kes pada tahun 2023 manakala pada tahun 2024, sebanyak 7,116 kes dilaporkan.
3. Selain daripada perundangan sedia ada, KPWKMM meletakkan fokus utama pengurusan kes keganasan rumah tangga pada kerjasama strategik secara berterusan bersama agensi-agensi kerajaan serta pelbagai NGO secara pendekatan menyeluruh *whole-of-government* dan *whole-of-society* melalui mekanisme Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT). JKRT memainkan peranan untuk menyelaraskan serta memantau isu dan inisiatif berkaitan keganasan rumah tangga secara holistik dan menyeluruh. Ia meliputi inisiatif merangkumi analisa ke atas data kes keganasan rumah tangga, aspek advokasi, bantuan perlindungan, khidmat sokongan dan pengupayaan diri.
4. Melihat kepada kepentingan institusi keluarga yang kukuh sebagai asas pembinaan masyarakat, KPWKMM sedang dalam usaha

mengemaskini Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar ini selari dengan struktur keluarga masa kini. Ia akan memberi fokus kepada isu, senario dan cabaran semasa yang dihadapi oleh keluarga bagi mewujudkan dasar yang relevan dengan keperluan dan perkembangan semasa sosioekonomi negara. Adalah menjadi harapan KPWK, dengan adanya struktur keluarga yang utuh dengan nilai-nilai kekeluargaan yang positif, secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kes keganasan rumah tangga yang berlaku.

5. KPWK akan terus komited dalam menangani kes keganasan rumah tangga menerusi pelaksanaan pelbagai mekanisme serta advokasi yang bersesuaian mengikut keperluan demi kesejahteraan institusi keluarga dan pembangunan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN
(PUCHONG)**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan perkembangan pembentangan Rang Undang-Undang
Profesion Kerja Sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan secara prinsip telah bersetuju dengan cadangan Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial atau RUU PKS pada tahun 2019 bagi meningkatkan taraf perkhidmatan kerja sosial di Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan draf RUU PKS bermula tahun yang sama. Draft ini seterusnya dikemukakan untuk semakan Jabatan Peguam Negara pada bulan Jun 2021.

RUU ini mengandungi banyak peruntukan termasuk takrifan kerja sosial, penubuhan badan kawal selia, serta kelayakan bagi pekerja sosial. Untuk memastikan pelaksanaannya kelak berjalan lancar, KPWKM sedang meneliti beberapa isu yang melibatkan undang-undang dan dasar. Libat urus sedang giat dilaksanakan dengan semua pihak berkepentingan.

Proses ini memerlukan tempoh masa yang mencukupi kerana skop kerja sosial adalah amat luas dan merangkumi tugas pelbagai agensi Kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan.

Di samping itu, individu yang terlibat dalam melaksanakan kerja sosial pada masa ini juga memiliki latar belakang pendidikan serta kemahiran yang pelbagai. Jadi perlu dipastikan bahawa RUU ini telah mengambil kira pelbagai konteks kerja sosial.

Perkara ini penting bagi memastikan proses peralihan yang lancar semasa undang-undang ini dikuatkuasakan kelak dan rakyat yang menerima perkhidmatan sosial akan terus dilindungi.

KPWKM berharap agar semua isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi libat urus dan penyelarasan terutama antara agensi Kerajaan dapat

diselesai dan dimuktamadkan mengikut perancangan. Sasaran KPWKM adalah agar RUU dapat dibawa ke Parlimen pada tahun ini.

Kementerian yakin undang-undang ini akan memberi manfaat besar kepada rakyat apabila ia dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK WETROM BIN BAHANDA
(KOTA MARUDU)**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

YB DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah terdapat skim atau program kewangan yang boleh dimohon bagi mereka yang miskin dan kurang berkemampuan selain daripada bantuan kewangan secara bulanan yang diberikan kepada mereka bagi membantu mereka keluar daripada kategori kemiskinan dan berdikari terutama bagi kawasan luar bandar seperti Kota Marudu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan bulanan untuk membantu kelangsungan hidup dan meringankan beban kumpulan sasar yang layak dan memerlukan. Bantuan ini bersifat **sementara waktu** sehingga mereka mampu hidup berdikari. Berdasarkan rekod statistik JKM tahun 2024, terdapat seramai 1,596 penerima bantuan persekutuan dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM9.2 juta di Kota Marudu.

2. Selain bantuan kewangan bulanan, Kementerian melalui JKM sentiasa merancang pelbagai inisiatif untuk mendayaupayakan penerima bantuan agar mereka dapat keluar daripada kemiskinan. Antara program yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) **2 Years Exit Programme (2YEP)** – Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016 di bawah peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (*Rolling Plan 3*). Program ini bertujuan memperkasakan penerima bantuan agar mereka dapat meneruskan kehidupan tanpa bergantung kepada bantuan kebajikan secara berterusan. Program 2YEP diteruskan pada tahun 2025. Melalui Belanjawan Tahun 2025 yang dibentangkan pada 18 Oktober 2024, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi tujuan pelaksanaan program ini.
- ii) **Bantuan Geran Pelancaran (GP)** merupakan bantuan *one off* yang diberikan bagi tujuan pemerkasaan kumpulan sasar JKM. Kadar bantuan yang disediakan adalah sebanyak RM2,700 secara sekaligus.

- iii) **Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan (BAT/S)** merupakan bantuan *one off* yang diberikan kepada kumpulan sasaran yang berkeperluan untuk membeli alat tiruan/ sokongan seperti kaki palsu, tangan palsu, kerusi roda khas, tongkat dan sebagainya. Kadar bantuan ini adalah RM10,000 hingga maksimum RM20,000. Bantuan ini dapat meningkatkan kefungsiian Kumpulan sasaran dalam menjalani kehidupan mereka.
- iv) **Tabung Bantuan Segera (TBS)** merupakan bantuan *one off* sebanyak maksimum RM300 yang diberikan kepada yang layak dan terdesak. Kes yang boleh menerima bantuan ini antaranya adalah bantuan segera melalui program pedampungan sosial, bayaran pertama bagi bantuan bulanan, mangsa bencana kecil/ terpencil dan kes terdampar.
- v) **Program MyKasih Kapital** merupakan program di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) sebagai satu usaha menggalakkan kaum wanita berniaga terutamanya yang terlibat dalam bidang e-dagang atau dropship dan lain-lain perniagaan melalui pemberian bantuan modal perniagaan.

3. Secara kesimpulannya, Kementerian ini membantu masyarakat yang memerlukan bukan sahaja melalui bantuan kewangan bulanan tetapi juga melalui pelbagai program/ skim lain untuk memastikan mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dan mampu berdikari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI
MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT** menyatakan fungsi dan peranan Jawatankuasa
Pemandu Pembangunan Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara
dalam memastikan -masa depan kanak-kanak terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menubuhkan jawatankuasa dalam penggubalan Dasar Kanak-Kanak Negara (Dasar) dan Pelan Tindakan pada tahun 2021. Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar baharu iaitu memberikan panduan yang strategik serta memantau proses pembinaan Dasar dan Pelan Tindakan ini.
2. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan ialah Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Dasar Kanak-kanak Negara dan Pelan Tindakan. Jawatankuasa Pemandu dianggotai oleh 18 buah Kementerian/Jabatan tetap manakala Jawatankuasa Teknikal dianggotai oleh 15 buah Kementerian/Jabatan tetap. Walau bagaimanapun ahli tambahan boleh dijemput bergantung pada isu perbincangan. Kedua-dua jawatankuasa ini akan dibubarkan setelah mencapai matlamatnya iaitu Pelancaran Dasar Kanak-Kanak Negara dan juga Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Peranan utama Jawatankuasa Pemandu adalah: -
 - i. memberikan khidmat nasihat dan cadangan hala tuju dengan berpandukan prosedur dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh kerajaan;
 - ii. memperakukan cadangan dan penyelesaian berhubung dengan perkara berbangkit dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan; dan
 - iii. memperakukan dan meluluskan cadangan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan;

Tuan Yang di-Pertua,

4. Untuk makluman Dasar Kanak-Kanak Negara telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Jun 2024 dan dilancarkan semasa Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2024 pada 24 November 2024. Selain itu Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK) akan memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara selepas ia dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri kelak. Pemantauan ini adalah untuk memastikan matlamat utama Dasar Kanak-Kanak Negara iaitu untuk melahirkan kanak-kanak yang dapat mencapai potensi sepenuhnya di samping membentuk insan seimbang dan berperibadi unggul yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni ke arah kesejahteraan Malaysia dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan inisiatif Kementerian meningkatkan sokongan kebajikan kepada golongan ibu tunggal dan golongan miskin agar mereka mendapat bantuan yang lebih sistematik dan berterusan untuk merealisasikan matlamat sifar miskin tegar dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap golongan ibu tunggal dan golongan miskin agar mereka terus terpelihara dan mendapat bantuan yang lebih sistematik dan berterusan bagi merealisasikan matlamat sifar miskin tegar dalam negara.

2. Antara langkah yang dilaksanakan adalah:

- i) **Menaikkan kadar dan syarat kelayakan bagi skim-skim bantuan JKM** semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2025. Bantuan-bantuan tersebut adalah Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Warga Emas (BWE), Bantuan Am Persekutuan (BA), Bantuan Penjagaan OKU/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dan Elaun Pekerja OKU (EPOKU).
- ii) **Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)** yang dijadikan sebagai syarat kelayakan permohonan bantuan JKM telah dinaikkan dari pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan 2019 iaitu RM1,169 kepada PGK RM1,198 semasa Belanjawan Tahun 2024. Kenaikan PJK ini memberikan ruang lebih luas dalam membantu mereka yang memerlukan.
- iii) **Pelaksanaan 2 Years Exit Programme (2YEP)** bagi memberikan kemahiran dan modal kepada penerima bantuan JKM untuk menjadi usahawan agar mereka dapat berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya.
- iv) **Pelaksanaan Program Pemerksaan Dan Transformasi Minda Penerima Bantuan JKM (PT-Minda JKM) dan Program Transformasi B40 Di Universiti (TransB40@Universiti).** Program

ini bertujuan untuk meningkatkan motivasi diri, pengetahuan dan kemahiran keibubapaan serta pengurusan kewangan dalam kalangan penerima bantuan agar mereka berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan serta advokasi kepada anak-anak penerima bantuan tentang kepentingan pendidikan untuk mengubah taraf hidup keluarga.

- v) **Perkhidmatan psikologi dan kaunseling** kepada penerima bantuan bagi membangunkan jati diri mereka agar lebih berdaya tahan dan mampu untuk berdikari melalui pengurusan sendiri yang berkesan. Antara intervensi yang dijalankan adalah sesi kaunseling individu, kaunseling kelompok dan aktiviti psikopendidikan. Terdapat seramai 109 orang Pegawai Psikologi dan Kaunseling yang ditempatkan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh Malaysia.

3. Secara kesimpulannya, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif agar golongan ibu tunggal dan golongan miskin terpelihara dan bantuan yang lebih sistematik serta berterusan dapat diberikan. Usaha seperti ini diharapkan dapat merealisasikan matlamat sifar miskin tegar dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 4 MAC (SELASA)

SOALAN

YB DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauhmanakah penglibatan Kerajaan dalam pertubuhan bukan Kerajaan antarabangsa (NGO) dalam mempromosikan nilai-nilai keluarga Islam

JAWAPAN

Kempen KASIH LPPKN iaitu (K-Kasih sayang), (A-berAkhlak), (S-Sihat & Selamat), (I-berIlmu) dan (H-Harmoni) diperkenalkan bagi penerapan nilai-nilai murni dalam institusi kekeluargaan. Kempen ini dilaksanakan sepanjang tahun menerusi penerbitan video, slot TV dan radio termasuk program *outreach*. Ianya juga ditekankan di dalam setiap program Teras LPPKN seperti Ilmu Keluarga@LPPKN, Keluarga@Kerja, PEKA, SMARTBelanja@LPPKN termasuk di dalam Sambutan Hari-Hari Khas seperti Hari Ibu, Hari Bapa dan Sambutan Bulan Keluarga.

Bagi memastikan agenda kesejahteraan keluarga diurusperdanakan dengan lebih meluas dan berkesan, LPPKN telah dan sedang menjalinkan lebih banyak kerjasama strategik dengan pelbagai **agensi kerajaan, sektor swasta** dan **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**. LPPKN perlu sentiasa kreatif dan inovatif dalam membangunkan program serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti selaras selaras dengan fungsi yang dinyatakan dalam Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 2006).

LPPKN turut mendapat kepercayaan untuk menjalinkan kolaborasi strategik dengan badan antarabangsa seperti UNFPA, UNICEF dan lain - lain. Antara kerjasama dan program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. United Nations Population Fund (UNFPA)

LPPKN dengan kerjasama badan antarabangsa UNFPA telah melaksanakan pelbagai program kepada masyarakat termasuk program yang mempromosikan nilai-nilai keluarga Islam. Sebagai contoh, penglibatan pemimpin agama bagi menarik minat orang ramai untuk menerima pendidikan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (SRH) sebagai sebahagian daripada komponen penting dalam mendidik kanak-kanak dan remaja.

2. United Nations Children fund (UNICEF)

LPPKN juga bekerjasama dengan UNICEF bagi membangunkan Modul Naungan Kasih. Program Naungan Kasih adalah program pengukuhan keluarga berasaskan kelompok untuk keluarga yang mempunyai anak berusia 0 hingga 18 tahun. Tema utama Naungan Kasih ialah *“Building a Resilient Home for You and Your Child”* (Membina Rumah Resilien untuk Anda dan Anak Anda). Dengan membantu ibu bapa membina rumah sokongan untuk mereka dan anak-anak, kita membantu ibu bapa mengurus tingkah laku anak-anak sambil mempromosikan hubungan ibu dan anak yang sihat.

3. DOHA INTERNATIONAL FAMILY INSTITUTE (DIFI)

DIFI ialah sebuah institut yang mempromosikan dasar dan advokasi di peringkat global serta berusaha untuk memperkukuh pengetahuan mengenai institusi keluarga di dunia Arab. DIFI juga komited dalam membangunkan masyarakat yang sihat dan berpendidikan, disokong oleh institusi keluarga yang kukuh dan bersatu padu di Qatar serta seluruh rantau. LPPKN secara langsung terlibat dengan bengkel dan

forum yang dianjurkan oleh DIFI dalam membincangkan dasar berkait dengan dunia negara Islam.

4. INTERNATIONAL FEDERATION FOR FAMILY DEVELOPMENT (IFFD)

IFFD adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan, mempunyai misi utama untuk menyokong keluarga melalui latihan. LPPKN dengan kerjasama IFFD telah menjalinkan kerjasama dengan melaksanakan program side event sempena persidangan UNCPD, New York. LPPKN juga pernah bekerjasama dengan IFFD bagi bagi mengumpulkan resolusi cadangan polisi mesra keluarga untuk dibawa ke persediaan sambutan Ulang Tahun ke-30 Tahun Keluarga Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL
RASHID
(BUKIT BENDERA)**

TARIKH : 4 MAC 2025 (SELASA)

SOALAN

YB PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA]
minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT** menyatakan:

- a) langkah yang diambil untuk meningkatkan akses kepada diagnosis dan rawatan ADHD bagi golongan dewasa di Malaysia terutamanya dari kumpulan berpendapatan rendah; dan
- b) langkah Kementerian untuk memastikan individu dewasa dengan ADHD mendapat peluang pekerjaan inklusif dan sokongan profesional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan akses kepada diagnosis dan rawatan bagi individu dewasa yang mengalami *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), khususnya dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk penganjuran program kesedaran dan pendidikan mengenai kesihatan mental. Sebagai contoh, pada tahun 2024, JKM telah menganjurkan Seminar Kesedaran mengenai Autisme dan Dyslexia yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu kesihatan mental, termasuk ADHD.
3. Selain itu, KPWKM juga telah mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak di bawah JKM, yang berfungsi untuk merancang dan melaksanakan program-program berkaitan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak, termasuk intervensi awal bagi kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda ADHD.
4. Walaupun usaha-usaha ini lebih tertumpu kepada kanak-kanak, ia secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai ADHD dalam kalangan dewasa. Namun, maklumat khusus mengenai langkah-langkah yang diambil oleh KPWKM untuk meningkatkan akses diagnosis dan rawatan ADHD bagi golongan dewasa berpendapatan rendah adalah terhad.
5. Bagi individu dewasa yang mencari diagnosis dan rawatan untuk ADHD, hospital kerajaan menawarkan perkhidmatan psikiatri dengan kos yang lebih rendah. Namun, terdapat cabaran seperti kekurangan pakar yang berpengalaman dalam ADHD dewasa dan akses kepada ubat-ubatan tertentu.

6. Sebagai sokongan kepada golongan OKU ADHD yang memenuhi syarat kelayakan, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan dan perkhidmatan seperti berikut:

- a. **Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB)**
- b. **Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT)**
- c. **Bantuan Am (BA) Negeri**
- d. **Geran Pelancaran**
- e. **Bantuan Alat Tiruan / Sokongan**

7. Oleh itu, adalah disarankan untuk individu yang memerlukan bantuan untuk berhubung terus dengan JKM atau hospital kerajaan terdekat bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan lebih ramai orang dewasa di Malaysia, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah, dapat mendapatkan diagnosis dan rawatan yang tepat untuk ADHD, seterusnya memperbaiki kualiti hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan individu dewasa dengan ADHD mendapat peluang pekerjaan inklusif dan sokongan profesional. Walaupun masih banyak yang perlu dilakukan, beberapa inisiatif yang relevan adalah seperti berikut:

- a. **Pembangunan Polisi dan Program Inklusif** bagi memastikan individu dengan keperluan khas, termasuk ADHD, dapat mengakses peluang pekerjaan yang lebih adil. Salah satu contoh adalah program **Perkhidmatan Job Coach dan DET** mereka dibantu untuk memahami hak mereka serta peluang latihan yang sesuai.
- b. **Kerjasama dengan Majikan di Sektor Swasta** untuk mewujudkan persekitaran kerja yang mesra dan inklusif bagi individu dengan ADHD.

- c. **Skim Latihan dan Kemahiran** bertujuan untuk meningkatkan kebolehan dan peluang pekerjaan mereka.
- d. **Sokongan Kaunseling dan Psikologi** untuk membantu individu dewasa dengan ADHD menangani cabaran mereka dalam kehidupan seharian dan pekerjaan.
- e. **Sokongan Pekerjaan Melalui Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)** seperti NASOM, yang menawarkan perkhidmatan bagi individu dengan ADHD.

9. Secara keseluruhannya, KPWKM telah mengambil langkah-langkah yang menyeluruh untuk memastikan individu dewasa dengan ADHD tidak hanya diberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan, tetapi juga diberi sokongan yang diperlukan untuk berjaya dalam persekitaran kerja. Namun, masih banyak lagi yang boleh dilakukan untuk mengukuhkan akses kepada peluang pekerjaan dan sokongan profesional bagi individu dengan ADHD di Malaysia.

Sekian, terima kasih.